



HILAL (anak bulan) sebagai panduan dan bimbingan masyarakat Islam.

INFO

- Kriteria Imkanur Rukyah mula diperkenal ketika Mukhtamar Hilal Bagi Penentuan Permulaan Bulan Hijrah di Istanbul pada 26 hingga 29 November 1978 dengan dua ketetapan iaitu ketinggian hilal tidak kurang dari lima darjah ketika matahari terbenam dan jarak lengkung hilal-matahari tidak kurang dari lapan darjah ketika matahari terbenam.
- Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kemudiannya menerima pakai Deklarasi Istanbul 1978 dengan tambahan satu syarat alternatif iaitu umur hilal (anak bulan) tidak kurang dari lapan jam ketika hilal terbenam.
- Pada 29 Zulkaedah 1412 bersamaan 1 Jun 1992 bertempat di Labuan, Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS), bersetuju mengubahsuaikan kriteria imkanur rukyah sedia ada.
- Pada awalnya, kriteria imkanur rukyah digunakan dalam penentuan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah sahaja, manakala bulan-bulan lain secara kaedah 'wujudul hilal'.
- Pada 1995 Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam menetapkan penggunaan kriteria imkanur rukyah digunakan untuk semua bulan hijrah dalam pelaksanaan Takwim Hijrah.

Oleh **NUR IZZAH IZZATI NADZI**

izzah.nadzi@mediamulia.com.my


KEBIASAAN kalendar dinding atau kalendar kuda dilihat dan dirujuk sejak sekian lama yang menyebabkan masyarakat terbiasa dan percaya tarikh bulan Islam seperti 1 Ramadan (puasa) atau 1 Syawal (Aidilfitri) dan sebagainya.

Ada beranggapan, tarikh puasa dan raya yang ditetapkan pada kalendar kuda untuk tahun ke hadapan adalah tepat. Itu yang timbul kekeliruan apabila sesetengahnya tidak dapat menerima apabila Syawal disambut awal sehari, tidak mengikut seperti kalendar sedia ada.

Ulas Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr. Azri Bhari, masyarakat mungkin tidak tahu atau terlupa bahawa Malaysia mengamalkan cara penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah (kalendar Hijrah) dengan rukyah dan hisab berdasarkan kepada kriteria Imkanur Rukyah.

"Islam menyatakan secara jelas dalam al-Quran dan hadis perlu berpandukan kepada 'hilal' iaitu anak bulan sebagai panduan dan bimbingan masyarakat Islam dalam melakukan ibadah dan urusan harian.

"Penentuan anak bulan sangat penting untuk menentukan tarikh permulaan berpuasa di bulan Ramadan, sambutan hari raya Aidilfitri atau Aidiladha, wukuf di padang Arafah, tempoh iddah seorang wanita,



KAEDAH rukyah dan hisab berdasarkan kepada kriteria Imkanur Rukyah.

Fahami cerapan anak bulan elak kekeliruan tarikh raya

- tempoh haul zakat supaya boleh dikeluarkan dan sebagainya.

“Firman Allah SWT bermaksud: *Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: (peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya ibadat Haji. (Surah al-Baqarah: 189),*” katanya kepada Utusan Malaysia.

Namun, katanya, terdapat perbezaan amalan dan kaedah dalam penentuan anak bulan tersebut kerana kepelbagaian dalam memahami dan mentafsir maksud ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan.

TIGA PERBEZAAN PENENTUAN ANAK BULAN

Tiga amalan yang berbeza dalam menentukan awal bulan adalah ‘**rukyah**’ iaitu



MALAYSIA mengamalkan cara penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah dengan ruyah dan hisab berdasarkan kriteria Imkanur Ruyah.

mencerap anak bulan semata-mata, ‘**hisab falak**’ iaitu kiraan hari semata-

mata serta ‘**rukyah dan hisab**’ mengikut kriteria imkanur ruyah iaitu


menggunakan hisab dalam menentukan kenampakan anak bulan.



AZRI BHARI



RAIHANA ABDUL WAHAB



Terdapat perbezaan amalan dan kaedah dalam penentuan anak bulan tersebut kerana kepelbagaian dalam memahami dan mentafsir maksud ayat-al-Quran dan hadis yang berkaitan.”

“Malaysia salah sebuah negara yang mengamalkan praktis penentuan awal bulan melalui kaedah rukyah dan hisab berdasarkan kepada kriteria imkanur rukyah. Justifikasi pemilihan kaedah tersebut adalah sebagai penyelesaian jalan tengah yang dilihat lebih hampir kepada kehendak syarak.

“Kaedah rukyah dan hisab berdasarkan kriteria imkanur rukyah (kebolehnampakan) ialah penentuan masuknya awal bulan apabila kedudukan hilal (anak bulan) ketika matahari terbenam pada akhir bulan ‘qamariah’ berada dalam keadaan yang memungkinkan kenampakannya.

“Kriteria imkanur rukyah adalah sebelum matahari terbenam, ijtimak telah berlaku pada tanggal 29 hijrah dan melalui perkiraan kewujudan hilal adalah positif serta dapat memenuhi salah satu dari dua syarat iaitu ketika matahari terbenam, ketinggian hilal di atas ufuk tidak kurang dari dua darjah dan jarak lengkung hilal-matahari tidak kurang dari tiga darjah atau ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang dari lapan jam selepas ijtimak berlaku,” katanya.

Malaysia tambahnya, mengambil kira syarat kenampakan yang baharu bermula sejak Muharram 1443H iaitu anak bulan dianggap boleh kelihatan sekiranya berada pada kedudukan tiga darjah tinggi daripada ufuk dan jarak lengkung antara bulan dan matahari ialah 6.4 darjah ketika matahari terbenam hari ke-29 dalam bulan hijrah.